

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21 / 05 / 2008

Surat 2

SUDAH lebih sepenggal Tun Dr. Mahathir meninggalkan tampuk pemerintahan tetapi sehingga kini tiada yang menghargai jasa beliau.

Adakah kita amat susah menghargai jasa beliau? Saya rasa Dr. Mahathir hanya ingin berbakti kepada rakyat dan membantu di belakang takbir.

Apakah menjadi sesuatu yang memalukan kepada pemimpin-pemimpin sedia ada untuk merujuk sedikit sebanyak kepada beliau tentang pengurusan negara kita?

Kita sedia maklum bahawa Dr. Mahathir adalah seorang negarawan dan bekas Perdana Menteri yang mempunyai kepandaian dan pengalaman. Ini telah terbukti menerusi kemajuan yang kita capai hari ini adalah daripada kecemerlangan beliau.

Mengapakah kita begitu mudah melontarkan tohmahan kepada beliau dan menganggap beliau sebagai 'bebanan negara' dan 'duri dalam daging'?

Mengapakah kita begitu mudah melontarkan tohmahan kepada beliau dan menganggap beliau sebagai 'bebanan negara' dan 'duri dalam daging'?

Pemimpin-pemimpin sekarang juga adalah pemimpin-pemimpin yang pernah berkhidmat bersama beliau dan pernah berikrar taat setia kepada beliau dahulu.

Kita selalu menguar-uarkan supaya taat setia, bersatu padu, menghormati orang yang lebih tua dan orang yang telah berjasa tetapi kepada bekas Perdana Menteri Malaysia yang telah berkhidmat selama 22 tahun ini, kita tidak pula mahu memberi sekurang-kurangnya sedikit penghorma-

tan dan bertimbang rasa sebelum kita melemparkan tohmahan kepada beliau.

Janganlah kita melihat kata-kata beliau sebagai kritikan tetapi ambillah ia dari sudut yang berbeza dan lihatlah pandangan beliau dengan berfikiran positif, insya-Allah banyak masalah dan ideologi yang berbeza dapat kita tangani secara muafakat dan bergerak ke arah perpaduan, kestabilan politik dan kemakmuran untuk memajukan negara kita Malaysia.

Saya merayu agar perkara ini diberi perhatian dan pertimbangan supaya kita melihat kembali apakah yang telah kita terlepas kata dan perbuatan serta balik ke pangkal

jalan untuk memperbetulkan keadaan.

Adalah tidak merugikan kita jika dibawa berbincang dan selesaikan masalah dalam ini.

Kekecewaanlah yang membuatkan Dr. Mahathir keluar daripada parti dan harapan kita agar pemimpin-pemimpin kita tidak terlalu ghairah dengan politik semasa dan kuasa sehingga terlupa yang baik dan buruk.

Kalau kita tidak lebih berhati-hati nescaya berlaku perpecahan mengakibatkan orang Melayu dan warga Malaysia yang akan kerugian.

Jagalah 'satu jasa yang hilang' ini supaya kita tidak diperlekehkan pada masa hadapan dan sentiasa menjadi bangsa yang berwibawa.

**PEMERHATI UTARA
Shah Alam.**